

11 SEP 1996

Mahathir-pentadbiran

PENTADBIRAN KERAJAAN KINI LEBIH CEKAP, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sistem pentadbiran kerajaan kini lebih cekap hasil perubahan khususnya yang diperkenalkan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Perdana Menteri berkata masa yang diperlukan oleh orang ramai berurusan dengan pentadbiran kerajaan sekarang telah disingkatkan.

"Kita perlu pastikan bahawa pentadbiran kerajaan tahu apa yang rakyat mahu kerana ia harus melaksanakan kehendak yang mereka sampaikan menerusi wakil mereka di Parlimen," kata beliau ketika melancarkan buku "The Chief Secretary to the Government, Malaysia" karya Ahmad Sarji.

Dr Mahathir berkata jentera pentadbiran kerajaan merupakan alat paling sesuai untuk menentukan keperluan dan aspirasi rakyat dipenuhi.

"Oleh itu, kerjasama erat antara kerajaan yang pilih dan ketua pentadbiran sangat penting dan ini dicapai beransur-ansur setelah kita mengubahsuai jentera pentadbiran," katanya.

Malaysia mewarisi jentera pentadbiran berciri Britain selepas Merdeka yang kemudiannya didapati tidak sesuai untuk rakyat.

"Semasa di bawah Ahmad Sarji pentadbiran kerajaan benar-benar diperkemas dengan mengurangkan karenah birokrasi," kata Dr Mahathir.

Sambil mengaitkan pencapaian negara kepada keupayaan pentadbiran kerajaan, beliau berkata jentera pentadbiran kerajaan Malaysia mampu memberi lebih banyak manfaat kepada rakyat.

Dr Mahathir beliau memuji Ahmad Sarji, yang menamatkan perkhidmatan pada 16 Sept ini, kerana bersusah payah menulis mengenai tugasnya dan mengangap buku itu sebagai sumbangan besar kepada sistem pentadbiran.

"Saya berharap yang lain akan mengikuti jejak langkah Ahmad Sarji ini dengan membukukan pengalaman mereka supaya kita tahu apa yang harus dibuat dan apa yang perlu dielak," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin pentadbiran tidak akan terganggu apabila Ketua Setiausaha Negara yang baru Datuk Abdul Halim Ali mengambil alih pada 17 Sept.

"Saya pasti pertukaran kuasa ini akan berjalan licin dan gangguan tidak akan berlaku semata-mata kerana Ketua Setiausaha Negara yang baru akan mengambil alih," katanya.

Dr Mahathir mengangap bekerja dengan Ahmad Sarji sebagai "amat selesa dan begitu berhasil".

Kerajaan mengumumkan pelantikan Abdul Halim pada 28 Ogos lepas, hari yang sama beliau memulakan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Luar setelah dinaikkan pangkat daripada Timbalan Ketua Setiausaha kementerian itu. -- BERNAMA

MAM MAI